

**MASALAH DISLEKSIA DALAM KALANGAN
MURID-MURID PEMULIHAN DI SEKOLAH
RENDAH, PULAU PINANG.**

RAJESVARI RAMASAMY

**UNIVERSITI SAINS MALAYSIA
2008**

**MASALAH DISLEKSIA DALAM KALANGAN
MURID-MURID PEMULIHAN DI SEKOLAH
RENDAH, PULAU PINANG.**

oleh

RAJESVARI A/P RAMASAMY

**Tesis yang diserahkan untuk memenuhi keperluan bagi
ijazah Sarjana Sastera
(Pendidikan)**

Oktober 2008

**DYSLEXIA PROBLEMS AMONG REMEDIAL
PUPILS IN PRIMARY SCHOOLS
IN PENANG ISLAND**

by

RAJESVARI A/P RAMASAMY

**Thesis submitted in fulfillment of the requirements for
the degree of Master of Arts
(Education)**

October 2008

PENAKUAN

Saya akui karya ini adalah hasil kerja saya sendiri kecuali nukilan dan ringkasan yang tiap-tiap satunya telah saya jelaskan sumbernya.

RAJESVARI a/p RAMASAMY

S-PM 0013/04 (R)

Oktober 2008

PENGHARGAAN

Saya merakamkan ucapan penghargaan setinggi-tinggi terima kasih kepada Prof. Madya. Dr. Hairul Nizam Ismail, yang begitu gigih memberi bimbingan, tunjuk ajar dan nasihat sepanjang tempoh kajian dalam penyediaan projek penyelidikan ini. Tanpa nasihat dan cadangan beliau, saya pasti menghadapi kesukaran dalam menyiapkan projek penyelidikan ini. Kesabaran dan motivasi Prof. memberikan keyakinan pada saya untuk meneruskan kajian ini. Saya doakan semoga Prof. selalu sihat dan terus memberi nasihat dan bimbingan kepada para penuntut pada masa-masa yang akan datang.

Penghargaan juga saya rakamkan kepada En. Sarib bin Selamat, Pn. Lee Lay Hwa dan guru-guru Pendidikan Khas yang telah memberi kerjasama dalam menjayakan projek penyelidikan ini.

Tidak lupa juga saya ucapkan ribuan terima kasih kepada ahli keluarga dan kawan-kawan saya En.Manuneethi, Pn.Gomala, Pn. Zeti Aida, Cik. Azizah atas dorongan dan sokongan yang tak terkata. Penghargaan ini juga saya tujukan khas kepada ibu tersayang, Mdm.Muniammal serta anak-anak, Salendren dan Bairavi atas pengorbanan dan sokongan yang telah diberikan sepanjang saya menyiapkan projek penyelidikan ini.

Semoga ilmu yang kita terokai ini dapat dinikmati oleh semua pihak.

RAJESVARI RAMASAMY

PPIP, USM

PULAU PINANG

ISI KANDUGAN

MUKA

SURAT

Muka surat judul	
Pengakuan	
Penghargaan	
Isi kandungan	i
Senarai jadual	iv
Senarai rajah	v
Abstrak	vi
Abstract	vii

BAB 1 PENGENALAN

1.1	Pendahuluan	1
1.2	Latar belakang kajian	7
1.3	Penyataan masalah kajian	11
1.4	Objektif kajian	17
1.5	Persoalan kajian	17
1.6	Kerangka	18
1.6.1	Kerangka konsep	18
1.6.2	Perbezaan disleksia, disgrafia dan discalculia	21
1.6.3	Kerangka kajian	22
1.7	Kepentingan kajian	24
1.8	Batasan kajian	26
1.9	Definisi operasi	27
1.9.1	Kanak-kanak pemulihan	27
1.9.2	Disleksia	28
1.10	Rumusan	29

BAB 2 TINJAUAN LITERATUR

2.1	Pengenalan	30
2.2	Kanak-kanak pemulihan	30
2.2.1	Pendekatan pendidikan pemulihan	32
2.2.2	Masalah dalam pendekatan pendidikan pemulihan	36

2.2.3 Panduan mengajar murid pemulihan	37
2.3 Disleksia	38
2.3.1 Ciri-ciri disleksia dalam kalangan murid-murid pemulihan	43
2.3.2 Minat murid pemulihan yang mempunyai ciri-ciri disleksia terhadap Pelajaran	45
2.3.3 Punca-punca disleksia	46
2.4 Kajian-kajian lepas berkaitan disleksia dan pemulihan	50
2.5 Teori-teori	53
2.5.1 Teori Pemulihan	53
2.5.2 Teori Disleksia	55
2.6 Rumusan	58

BAB 3 METODOLOGI KAJIAN

3.1 Pengenalan	59
3.2 Pemboleh ubah	59
3.2.1 Pemboleh ubah bebas	60
3.2.2 Pemboleh ubah bersandar	60
3.3 Reka bentuk kajian	60
3.3.1 Reka bentuk kajian : kaedah kuantitatif	61
3.3.2 Rasional pemilihan kajian kuantitatif	61
3.3.3 Reka bentuk kajian : kaedah kualitatif	62
3.3.4 Rasional pemilihan kajian kualitatif	62
3.4 Lokasi kajian	63
3.5 Persampelan	64
3.5.1 Pemilihan sampel kajian kuantitatif	64
3.5.2 Pemilihan sampel kajian kualitatif	66
3.6 Instrumen kajian	68
3.6.1 Soal selidik	69
3.6.2 Kesahan dan kebolehpercayaan instrumen	71
3.6.3 Kajian rintis	75
3.6.3.1 Kajian rintis temu bual	76
3.6.4 Protokol temu bual berstruktur	76
3.7 Semakan rekod dan dokumen	79
3.8 Prosedur kajian	79
3.9 Teknik pengumpulan data	81
3.9.1 Data kuantitatif	81
3.9.2 Data kualitatif	81
3.10 Analisis data	82
3.10.1 Analisis data kuantitatif	82
3.10.2 Analisis data kualitatif	82
3.11 Rumusan	83

BAB 4 DAPATAN KAJIAN

4.1 Pengenalan	84
4.2 Dapatan kajian	85
4.2.1 Peratus keseluruhan	85
4.2.2 Tahap pencapaian dalam pelajaran	87
4.2.3 Tahap masalah dalam tingkah laku dalam pelajaran	93
4.2.4 Rumusan	101
4.3 Dapatan temu bual	102
4.3.1 Cabaran kepada guru program pemulihan	103
4.3.2 Langkah-langkah penambahbaikan program pemulihan	105
4.4 Rumusan	108

BAB 5 PERBINCANGAN DAN KESIMPULAN

5.1 Pengenalan	109
5.2 Perbincangan dapatan kajian	109
5.2.1 Perbezaan peratus murid pemulihan yang bermasalah disleksia	109
5.2.2 Perbezaan peratus dalam kalangan murid pemulihan yang mempunyai masalah disleksia antara lelaki dan perempuan	110
5.2.3 Masalah disleksia yang mempengaruhi pencapaian pelajaran murid pemulihan	111
5.2.4 Murid pemulihan yang dikenal pasti mempunyai masalah disleksia berkaitan dengan tingkah laku	113
5.2.5 Amalan dan cabaran yang dihadapi oleh guru dalam mengendalikan murid pemulihan	115
5.2.6 Langkah-langkah yang perlu diambil dalam membantu murid pemulihan yang mempunyai masalah disleksia	117
5.3 Rumusan	118
5.4 Saranan	119
5.5 Cadangan kajian lanjutan	121
5.6 Penutup	122

Bibliografi	124
--------------------	------------

Lampiran 1A	Validasi kepakaran
Lampiran 1B	Borang biodata murid
Lampiran 1C	Soal selidik pencapaian pelajaran
Lampiran 1D	Soal selidik masalah tingkah laku
Lampiran 2A	Jadual temu bual guru
Lampiran 2B	Soalan-soalan temu bual
Lampiran 2C	Butiran responden

Senarai jadual	Muka surat
Jadual 3.1` : Senarai sekolah yang terlibat dalam kajian	64
Jadual 3.2 : Deskripsi sampel kajian kuantitatif	65
Jadual 3.3 : Deskripsi sampel kajian kualitatif	67
Jadual 3.4 : Pemilihan soalan mengikut skop	73
Jadual 3.5 : Skala likert	75
Jadual 4.1 : Perbezaan peratus individu yang bermasalah (mempunyai ciri-ciri) disleksia dalam kalangan murid pemulihan lelaki dan perempuan	86
Jadual 4.2 : Julat kategori tahap kewujudan masalah disleksia murid pemulihan (pencapaian pelajaran)	88
Jadual 4.3 : Bilangan murid pemulihan dalam tahap disleksia yang berbeza (pencapaian pelajaran)	89
Jadual 4.4 : Masalah disleksia mempengaruhi pencapaian pelajaran murid pemulihan dalam kemahiran mengeja, membaca dan menulis	90
Jadual 4.5 : Julat kategori tahap kewujudan masalah disleksia Murid pemulihan (masalah tingkah laku pelajaran)	94
Jadual 4.6 : Bilangan murid pemulihan dalam tahap disleksia yang berbeza (masalah tingkah laku pelajaran)	95

Jadual 4.7 : Masalah disleksia mempengaruhi tingkah laku **96**
murid pemulihan dalam bidang bacaan,
penulisan,
pertuturan serta pengiraan

Senarai rajah	Muka surat
Rajah 1 : Model masalah pembelajaran yang khusus	20
Rajah 2 : Kerangka kajian	23
Rajah 3 : Organisasi pelaksanaan IPP3M	34
Rajah 4 : Otak manusia normal dan otak manusia yang menghadapi disleksia	40
Rajah 5 : Saraf pemprosesan maklumat dalam otak manusia normal dan otak manusia yang menghadapi disleksia	41

MASALAH DISLEKSIA DALAM KALANGAN MURID-MURID PEMULIHAN DI SEKOLAH RENDAH, PULAU PINANG

ABSTRAK

Tujuan kajian ialah untuk mengukur tahap kewujudan masalah disleksia yang mempengaruhi pencapaian dalam pelajaran serta tingkah laku murid pemulihan di sekolah-sekolah rendah secara am serta untuk mengenal pasti cabaran yang dihadapi oleh guru pendidikan pemulihan dan langkah-langkah yang boleh diambil untuk membantu murid pemulihan yang mempunyai masalah disleksia. Kajian ini telah dijalankan di sepuluh buah sekolah rendah di Zon Timur Laut, negeri Pulau Pinang. Responden kajian terdiri daripada 120 orang murid-murid pemulihan dan 25 orang guru pendidikan khas daripada sepuluh sekolah yang sama. Untuk tujuan pengumpulan data kuantitatif, satu instrument kajian telah dibentuk berpandukan Instrumen Senarai Semak Disleksia (ISD), Kementerian Pendidikan Malaysia, (2002) supaya menjadi satu borang senarai semak pemerhatian dan diisi oleh guru-guru yang terlibat. Untuk data kuantitatif pula, sepuluh orang guru daripada kumpulan guru yang sama telah dipilih untuk ditemu bual.

Dapatan kajian menunjukkan terdapat masalah disleksia dalam kalangan murid pemulihan yang terlibat. Secara keseluruhan, 91 orang murid atau 75.8% didapati termasuk dalam kategori individu yang mempunyai tahap disleksia yang tinggi, 26 orang (22.7%) pula dalam kategori tahap sederhana dan 3 orang atau 2.5% daripada keseluruhan 120 orang murid termasuk dalam kategori tahap rendah. Dari segi jantina pula, peratusan individu dalam kategori tinggi yang lebih besar adalah pelajar perempuan dengan 82% manakala hanya 71.4% individu dalam kalangan lelaki berada di kategori yang sama. Dapatan transkrip temu bual menunjukkan pendapat yang agak berbeza

dalam kalangan guru terhadap persoalan cabaran yang dihadapi dan peranan yang boleh dimainkan oleh guru dalam permasalahan ini.

**DYSLEXIA PROBLEMS AMONG REMEDIAL PUPILS IN PRIMARY
SCHOOLS IN PENANG**

ABSTRACT

The purpose of this study is to identify the existence of dyslexia that influence academic achievement as well as behavioral skills and to identify the challenges faced by the teachers and the steps that can be taken by them to help the pupils with dyslexia problems. The study was conducted at ten primary schools in North East Zone of Penang Island. The respondents are 120 remedial pupils and 25 special education teachers from the same ten schools. For the purpose of collecting quantitative data, an instrument was adopted and turned into an observation checklist form to be filled by the participating teachers. For qualitative data, ten teachers from the same group were randomly selected and interviewed.

The results show that there are dyslexia problems among the participating remedial pupils. Overall, 91 pupils or 75.8% was categorized within the group that has high level of dyslexia, 26 pupils (22.7%) in the moderate category and only 3 individual or 2.5% from the total of 120 pupils were categorized in the low level group. In term of gender, the percentage of individuals who are in high level dyslexia category is higher for female pupils with 82% whereas only 71.4% individuals among the male pupils belong to the same category. The analysis of the interview transcripts revealed different patterns of answer among the interview teachers concerning the issues of challenges faced and the roles that can be played by the teachers in this problem.

BAB 1

PENGENALAN

1.1 Pendahuluan

Dalam era teknologi maklumat serta zaman siber dunia tanpa sempadan, setiap individu dalam masyarakat berusaha dan berlumba-lumba untuk mengguna dan mengaplikasikan kemudahan dan peralatan canggih yang ada dalam persekitaran mereka. Namun begitu, kemudahan ini besar kemungkinannya kurang bermanfaat kepada individu yang menghadapi masalah pembelajaran khususnya masalah membaca, menulis dan mengira (3M). Secara ringkasnya dapatlah dikatakan bahawa kemahiran 3M adalah sangat penting biarpun betapa canggihnya sesuatu zaman itu. Oleh yang demikian, dalam konteks pendidikan, Ott (1997) menyatakan bahawa kemahiran-kemahiran asas (membaca, menulis dan mengira) adalah penting untuk dikuasai oleh setiap individu pelajar bagi membolehkan mereka mendapat kebaikan daripada setiap komponen dalam kurikulum pembelajaran di sekolah yang disediakan untuk mereka. Sekiranya kemahiran asas ini masih belum berkembang sepenuhnya dalam diri pelajar, satu bentuk program pemulihan adalah amat perlu disediakan untuk membantu setiap pelajar yang mempunyai masalah ini.

Pendidikan pemulihan di Malaysia diperkenalkan selepas projek perintis untuk meninjau keperluan mengadakan pendidikan pemulihan dilancarkan oleh Bahagian Sekolah-Sekolah Kementerian Pendidikan Malaysia pada tahun 1967 (Kementerian Pelajaran Malaysia). Kelas pemulihan khas diwujudkan bagi tujuan

mengatasi masalah ketidakupayaan murid-murid lemah dalam menguasai kemahiran asas 3M – membaca, menulis dan mengira. Dalam pengajaran pemulihan, strategi pengajaran diubah suai untuk keperluan murid-murid yang mengalami ketidakupayaan dalam pembelajaran.

Pendidikan pemulihan telah dilaksanakan di negara ini sejak beberapa dekad yang lalu, iaitu sejak daripada awal 1970an lagi. Namun, apa yang menjadi kerungsingan dan tanda tanya kepada pihak-pihak yang bertanggungjawab ialah hasil dapatan beberapa kajian yang menunjukkan bahawa masih terdapat ramai murid, termasuk murid lepasan program pemulihan, yang mengalami masalah dalam menguasai kemahiran asas membaca, menulis dan mengira (3M). Statistik Kementerian Pendidikan Malaysia pada tahun 2001, menerusi Unit Bahagian Sekolahnya, menunjukkan seramai 115,377 orang murid sekolah rendah di seluruh Malaysia menghadapi masalah pembelajaran dan tidak dapat menguasai kemahiran asas 3M. Kajian oleh penyelidik daripada Universiti Putra Malaysia pada tahun 1993 pula mendapati 12.6 peratus daripada 20000 orang murid tahun 1-3 di sekolah biasa menghadapi masalah pembelajaran (Amin Salleh, Mahiran Abu Amin & Faridah Abu Hassan, 2002).

Dewasa ini masalah murid-murid yang mempunyai masalah pembelajaran di sekolah rendah mahupun di sekolah menengah mula mendapat perhatian serius dari para pendidik dan ibu bapa di negara kita. Persoalan dan isu seperti

faktor-faktor yang menyebabkan murid-murid ini ketinggalan dalam pelajaran mereka dan kaedah terbaik untuk menolong mereka sering dibincangkan dalam banyak seminar, forum dan persidangan mengenai pendidikan. Hasil daripada perbincangan-perbincangan ini terdapat suara yang meminta supaya tindakan pemulihan yang efektif diwujudkan untuk mengatasi masalah murid-murid bermasalah pembelajaran supaya keupayaan dan bakat mereka boleh ditingkatkan. Dengan cara ini impian pelbagai pihak untuk membantu mereka yang mempunyai masalah pembelajaran dapat direalisasikan. Pengajaran pemulihan nampaknya sudah mula diberi perhatian yang khusus dalam proses pengajaran di sekolah.

Dalam pelaksanaan pendidikan pemulihan, data yang masih relevan hingga kini menunjukkan bahawa terdapat 10 hingga 20 peratus murid di sekolah rendah bermasalah dalam pelajaran (Pusat Perkembangan Kurikulum, 1982). Malah mengikut kajian Amin Salleh, Mahiran Abu dan Faridah Abu Hassan (2002) dari Bahagian Perancangan dan Penyelidikan, Kementerian Pendidikan Malaysia meramalkan bahawa pada sesuatu masa yang tertentu, kira-kira 10 peratus daripada murid-murid sekolah rendah mempunyai masalah pembelajaran.

Maklumat di atas memberi gambaran bahawa kemungkinan terdapat sebilangan murid-murid dalam program pendidikan pemulihan mempunyai

permasalahan pembelajaran yang agak serius dan yang berbeza daripada apa yang dijangkakan selama ini. Menurut Pusat Perkembangan Kurikulum Kementerian Pendidikan Malaysia (1982) dalam pendidikan pemulihan, masalah penguasaan 3M dibahagikan kepada dua kategori. Kategori pertama ialah masalah pembelajaran ringan (lambat menguasai kemahiran 3M). Kategori kedua pula ialah masalah pembelajaran serius/kompleks (tidak dapat langsung menguasai kemahiran 3M).

Pengkaji berpendapat bahawa berdasarkan kedua kategori ini, ia secara tidak langsung memberikan gambaran yang spesifik, kemungkinan wujudnya masalah pembelajaran yang agak khusus, contohnya masalah disleksia dalam kalangan kanak-kanak pemulihan di sekolah-sekolah rendah. Anggapan dan hipotesis penyelidik ini adalah berdasarkan ciri-ciri yang dikesan wujud dalam kalangan murid pemulihan. Menurut Rozita Sahimin (2000), selain sering melakukan kesalahan dalam kerja sekolah dan memperolehi keputusan ujian peperiksaan yang kurang memuaskan, kanak-kanak pemulihan juga memperlihatkan ciri-ciri kesukaran berbahasa, membaca, menulis dan tahap tumpuan yang terhad disamping rendah konsep diri, pasif terhadap kegiatan pembelajaran dan mudah putus asa. Berdasarkan kajian oleh Mohd Anuar Abdullah (2001) terhadap pengetahuan guru-guru pendidikan pemulihan khas mengenai masalah disleksia di daerah Hilir Perak pula, terdapat ramai responden guru yang menyatakan bahawa ramai murid mereka memiliki masalah yang berkaitan dengan pembacaan yang membabitkan kesukaran

pengulangan ayat dan perkataan. Manakala mengikut beberapa orang guru lain, masalah pembelajaran murid pemulihan mereka mempunyai kaitan dengan masalah mengenal perkataan secara visual atau auditori. Ini menyebabkan mereka sukar untuk menyebut sesuatu perkataan yang dilihat atau didengar.

Apa yang ingin ditonjolkan di sini ialah, berdasarkan kepada hasil dapatan beberapa kajian lepas di atas serta berasaskan kepada pengalaman pengkaji sendiri sebagai guru pendidikan pemulihan sebuah sekolah rendah di Pulau Pinang, banyak ciri-ciri yang dinyatakan di atas juga jelas wujud dalam kalangan murid-murid pemulihannya. Ini menimbulkan beberapa persoalan; (i) apakah tahap kewujudan disleksia dalam kalangan murid pemulihan?, (ii) apakah kesan masalah disleksia kepada murid-murid pemulihan?, (iii) apakah senario sebenar yang wujud dalam program pendidikan pemulihan?, dan (iv) apakah langkah-langkah yang perlu diambil untuk meningkatkan lagi keberkesanan program pendidikan pemulihan bagi tujuan untuk membantu murid pemulihan yang menghadapi masalah disleksia?. Pengkaji berpendapat bahawa persoalan-persoalan ini dengan jelas menunjukkan keperluan untuk menjalankan satu penyelidikan yang terancang dan sistematik mengenai masalah disleksia yang mempengaruhi pencapaian pelajaran murid-murid pemulihan.

Umumnya, disleksia adalah sukar dikenal pasti. Sebagai contohnya, ramai kanak-kanak normal yang membuat kesilapan dalam mengeja dan membaca yang tidak jauh bezanya dengan kesilapan yang dibuat oleh kanak-

kanak disleksia. Namun, adalah amat penting disleksia dikenal pasti seawal mungkin. Ini kerana semakin muda atau awal usia mereka yang mengalami disleksia dikenal pasti dan diberi intervensi, semakin mudah untuk mereka dapat dibantu untuk menguasai sesuatu pembelajaran. Menurut laman web <http://www.dyslexia> yang bertajuk "Bright Solution For Dislexia", terdapat simptom disleksia tertentu yang boleh diperhatikan mengikut peringkat umur persekolahan seseorang.

Pengendalian dan pelaksanaan program pemulihan adalah sesuatu yang begitu mencabar terutamanya kepada para guru. Mereka menempuh pelbagai cabaran untuk mendidik murid-murid dalam program pemulihan mereka yang sering kali memiliki masalah pembelajaran yang berbeza. Kehadiran murid-murid yang mempunyai masalah disleksia dalam bilik darjah mereka sudah tentu menambah lagi beban dan kesukaran kepada guru-guru tersebut untuk melaksanakan pengajaran yang efektif.

Justeru, rasional pengkaji memilih tajuk kajian untuk mengenal pasti tahap kewujudan masalah disleksia dalam kalangan murid-murid pemulihan di sekolah rendah ini adalah kerana pengkaji berpendapat bahawa terdapat beberapa amalan dan cabaran yang dihadapi oleh guru dalam mengendalikan murid pemulihan yang mempunyai masalah disleksia. Pada masa yang sama pengkaji juga berpendapat bahawa langkah-langkah yang dapat membantu murid pemulihan yang mempunyai masalah disleksia perlu dikenal pasti bagi tujuan

untuk meningkatkan lagi mutu program pendidikan pemulihan. Ini menunjukkan bahawa masih terdapat kelemahan dalam pelaksanaan program pemulihan di negara kita. Pernyataan ini adalah berasaskan pengalaman pengkaji sendiri sebagai guru Pendidikan Khas selama enam tahun di sebuah Sekolah Rendah Kebangsaan (SK) di negeri Pulau Pinang.

1.2 Latar belakang kajian

Kategori kanak-kanak yang berada dalam kelas-kelas pemulihan khas yang terdapat di negara ini adalah berbeza-beza berdasarkan masalah yang dihadapi. Keadaan ini mewujudkan kemungkinan bahawa pelajar-pelajar ini menghadapi masalah pembelajaran yang tertentu. Terdapat beberapa kajian yang dijalankan oleh pengkaji-pengkaji dalam dan luar negara yang menyatakan bahawa masalah pembelajaran seperti disleksia mempunyai hubungan yang signifikan dengan masalah pemulihan (Chow, 1992). Masalah disleksia dirujuk kepada beberapa ciri iaitu seperti:

- (i) kesukaran berbahasa
- (ii) ketidakseimbangan dengan kebolehan intelektual
- (iii) tidak lancar ketika membaca sesuatu bahan bercetak
- (iv) tidak dapat menulis dengan lancar dan tepat (kesukaran meniru tulisan dari papan hitam atau buku).
- (v) mata mudah menjadi penat setelah beberapa minit menumpu perhatian kepada tulisan, dan
- (vi) daya tumpuan yang terhad (pendengaran dan pengamatan visual).

Dalam program pemulihan pula, didapati bahawa murid-murid pemulihan sering menghadapi masalah untuk menguasai kemahiran membaca. Fauziah Tahiruddin (2000) menyatakan antara permasalahannya ialah pelajar pemulihan mudah lupa perkataan yang dibaca. Daya ingatan mereka sangat singkat. Oleh itu mereka perlu diberi peluang membaca perkataan yang sama berulang kali dalam aktiviti latihan. Ramai kanak-kanak pemulihan juga mengalami masalah dalam pengamatan. Mereka kurang mahir mengesan bentuk perkataan yang dibaca. Masalah ini mungkin disebabkan mereka sukar memberi tumpuan atau perhatian. Selain itu, murid pemulihan juga mempunyai perbendaharaan kata yang kurang atau terhad menyebabkan mereka menghadapi masalah dalam membina ayat mudah dengan betul.

Menurut Rubiah Kulop (1997) dalam satu kajian tentang Guru Khas Pemulihan, masalah disleksia yang wujud dalam kalangan kanak-kanak pemulihan dapat dilihat melalui tiga aspek. Pertama, kanak-kanak ini lemah dari segi perkembangan mental dan kadang-kadang mengalami kecacatan lain seperti gangguan kesihatan, pengalaman yang terhad serta gangguan emosi. Kedua, kanak-kanak tersebut selalu ponteng sekolah dan mempunyai latar belakang masalah kemiskinan, dan yang ketiga, kanak-kanak ini mengalami kesukaran dalam kemahiran bacaan dan penulisan sehingga mengakibatkan pencapaian yang rendah dalam pelajaran.

Deskripsi-deskripsi di atas menunjukkan bahawa terdapat ciri-ciri yang hampir serupa yang dialami oleh pelajar-pelajar pemulihan dan disleksia. Payne dan Turner (1999) menyatakan bahawa disleksia adalah suatu permasalahan pembelajaran yang spesifik atau khusus. Namun begitu, hakikat yang harus diterima oleh kanak-kanak yang menghadapi masalah disleksia masa kini adalah pengkategorian penempatan mereka dalam kelompok murid pemulihan dan tidak dalam kelompoknya yang khusus dan tersendiri.

Konsep pendidikan yang masih diamalkan dalam sistem pendidikan masa kini bagi mereka yang bermasalah dalam pelajaran adalah program pemulihan. Pusat Perkembangan Kurikulum, Kementerian Pelajaran Malaysia, 2002 telah mengenal pasti dua kategori masalah pembelajaran yang dihadapi oleh murid-murid lambat belajar sebagai masalah pembelajaran ringan dan masalah pembelajaran berat. Masalah pembelajaran ringan adalah dirujuk kepada sedikit kesukaran atau "lambat" menguasai kemahiran bahasa di dalam bilik darjah. Mereka ini mempunyai perkembangan mental yang lambat mempunyai potensi untuk berkembang dalam tiga bidang iaitu akademik, sosial dan vokasional. Biasanya mereka menghadapi kesukaran dalam program sekolah arus perdana dan memerlukan adaptasi bagi pendidikan yang sesuai. Namun, mereka adalah berpotensi untuk berdikari dengan pendidikan dan latihan yang sesuai (Jamila K.A. Mohamed, 2005).

Masalah pembelajaran berat atau kompleks pula ditakrifkan sebagai kesukaran yang tinggi dalam menguasai kemahiran asas membaca, menulis dan mengira (Pusat Perkembangan Kurikulum, 1982). Kanak-kanak yang mengalami masalah pembelajaran kompleks sukar mencapai tahap tanggungjawab sosial, menguasai kemahiran asas akademik dan menguasai kemahiran vokasional. Kanak-kanak ini belajar dalam kadar yang agak lambat. Mereka mengalami kesukaran dalam pemikiran abstrak dan memerlukan pengulangan apabila mempelajari konsep baru. (Jamila K.A. Mohamed, 2005).

Kedua-dua masalah ini diatasi dengan satu perancangan khusus iaitu program pemulihan. Program pemulihan adalah satu rancangan pembelajaran yang disediakan untuk membantu murid-murid yang menghadapi masalah atau kesukaran pembelajaran dalam menguasai sesuatu kemahiran. Program ini dikendalikan oleh guru pemulihan khas yang berkemahiran (Jamilah Ahmad, 1999).

Dalam hal ini murid-murid yang dikategorikan sebagai disleksia adalah dalam kalangan mereka yang boleh dianggap mempunyai masalah pembelajaran berat atau kompleks. Ini adalah kerana mereka mempunyai ciri-ciri disleksia dari segi pencapaian pelajaran dan tingkah laku. Mereka biasanya akan ditempatkan dalam kelas pemulihan. Dalam konteks pelaksanaan pendidikan pemulihan di Malaysia, pengajaran kemahiran akademik difokuskan dalam mata pelajaran Bahasa dan Matematik sahaja. Murid pemulihan diambil keluar dari

kelas biasa dari masa ke semasa untuk sesuatu aktiviti pemulihan dalam kelas pemulihan dan selepas itu dikembalikan ke kelas asal mereka (Chua Tee Tee dan Koh Boh Boon, 1992).

1.3 Pernyataan masalah kajian

Kirk dan Gallagner (1989) menyatakan bahawa kanak-kanak pemulihan adalah individu yang mempunyai masalah dalam membaca, mengeja, menulis atau membuat kiraan congak. Kelemahan ini dapat dilihat apabila kanak-kanak ini berada di sekolah dan pencapaian mereka sering berada di bawah paras normal. Aras pencapaian pelajar dapat dikesan berdasarkan kebolehan menguasai kemahiran tertentu berbanding umur mereka, terutamanya pencapaian dari segi mental, bahasa, pengiraan congak, kemahiran lisan dan ujian kepantasan membaca. Kebolehan mereka menguasai kemahiran tersebut adalah ketinggalan antara dua atau tiga tahun daripada kanak-kanak normal. Namun, ini tidak bermakna bahawa mereka mengalami kecacatan mental, bermasalah emosi yang serius atau kecacatan sensori.

Berdasarkan pendapat Payne dan Turner (1999) dan juga Hammond dan Hughes (1999), mereka lebih cenderung menggunakan istilah masalah belajar spesifik (*Specific Learning Difficulties*) bagi pelajar yang mengalami masalah disleksia. Dengan kata lain, murid disleksia bukan sahaja mengalami masalah dalam menguasai kemahiran membaca sahaja, malah berkemungkinan juga menghadapi masalah secara menyeluruh dalam kemahiran asas “literasi” dan

“numerasi”. Secara umumnya, dapatlah dikatakan bahawa disleksia adalah satu bentuk masalah kesukaran pembelajaran yang spesifik yang dimiliki oleh seseorang pelajar dalam aspek-aspek membaca, menulis, mengeja dan mengira nombor (Renwick, 2001). Malah perkara ini telah dibuktikan oleh Sanders dan Mayers (1996) yang menyatakan bahawa kesukaran-kesukaran ini termasuklah masalah yang serupa dalam kerja nombor dan mengenali simbol-simbol seperti nota muzik dan tanda matematik.

Kajian Musa Abd Wahab (2002) telah merumuskan bahawa hasil kajian yang dijalankan terhadap 153 orang murid pemulihan di Zon Pudu Wilayah Persekutuan mendapati 36.3% daripadanya mempunyai masalah disleksia pada tahap yang serius. Sementara individu murid yang mengalami masalah disleksia pada tahap yang sederhana dan ringan pula adalah 30.2% dan 33.5%. Kajian ini hanya memberi tumpuan khusus terhadap masalah 3M dalam kalangan murid pemulihan.

Hynd dan Cohen (1983) pula memetik hasil kajian yang dilakukan oleh Critchley pada tahun 1978 yang mendapati bahawa masalah disleksia dalam kalangan kanak-kanak lelaki adalah lebih tinggi berbanding kanak-kanak perempuan. Kajian beliau terhadap 1633 kes yang dikenal pasti mengalami masalah pembelajaran disleksia mendapati 1367 daripadanya adalah kanak-kanak lelaki dan 266 sahaja adalah perempuan. Ini menunjukkan peratusan murid lelaki melebihi 80% berbanding dengan murid perempuan.

Pendidikan pemulihan adalah khas untuk murid-murid darjah satu hingga darjah tiga. Terdapat sebanyak 33 buah sekolah rendah yang menjalankan program pemulihan di zon Timur Laut, Pulau Pinang. Program ini adalah di bawah kelolaan Unit Pendidikan Khas, Jabatan Pendidikan Negeri. Murid-murid yang berada dalam kelas pemulihan mempunyai masalah penguasaan 3M. Pada masa yang sama, mereka juga mempunyai masalah sampingan yang menyebabkan mereka tidak dapat menguasai kemahiran 3M walaupun telah mengikuti program pemulihan selama tiga tahun. Kajian ini cuba mengutarakan kemungkinan murid-murid pemulihan mempunyai masalah lain, contohnya disleksia. Murid-murid ini kurang menunjukkan kemajuan semasa berada dalam kelas pemulihan. Biasanya murid-murid yang masuk ke darjah satu akan diberikan ujian untuk melihat tahap pencapaian akademik mereka. Dalam ujian ini guru dapat mengenal pasti murid-murid yang perlu disalurkan dalam program pemulihan.

Setiap tiga bulan, ujian akan diadakan untuk melihat tahap pencapaian murid-murid. Murid-murid akan mengikuti kurikulum biasa dan akan masuk ke kelas pemulihan enam kali seminggu. Buku panduan, buku kerja, lembaran kerja serta ABM (Alat Bantu Mengajar) digunakan dalam program ini. Walau bagaimanapun buku kerja serta lembaran kerja yang digunakan dalam program ini kurang sesuai untuk semua murid pemulihan. Ini kerana tahap pencapaian akademik dan keperluan murid pemulihan adalah berbeza antara satu sama lain.

Murid-murid yang berada dalam kelas pemulihan menunjukkan kemajuan yang paling minima dalam program pendidikan pemulihan. Ini kerana selain daripada masalah menguasai 3M, mereka juga mempunyai masalah lain yang menyebabkan mereka tidak dapat menguasai kemahiran 3M walaupun telah mendapat pendidikan awal di peringkat prasekolah. Dalam erti kata yang lain, mereka ini telah didedahkan kepada aktiviti membaca, menulis dan mengira sejak umur 5-6 tahun. Justeru, melalui kajian ini pengkaji cuba membuktikan bahawa mereka ini berkemungkinan besar mempunyai masalah disleksia yang menyebabkan pencapaian pelajaran mereka terjejas.

Seperti yang telah disebut di atas, program pemulihan adalah untuk mereka yang berada dalam darjah satu hingga darjah tiga sahaja. Setelah naik ke darjah empat murid-murid ini tidak akan masuk ke kelas pemulihan lagi. Oleh yang demikian tidak ada satu kesinambungan setelah mereka naik ke darjah empat, lima dan enam. Dalam situasi ini jika murid tersebut masih tidak dapat menguasai 3M maka mereka akan ketinggalan dalam kurikulum biasa dan seterusnya akan tercicir dalam pelajaran. Keadaan ini akan berterusan sehingga ke sekolah menengah. Dalam erti kata yang lain, murid-murid ini akan meningkat ke peringkat sekolah menengah tanpa masalah akademik mereka di sekolah rendah dapat diselesaikan dahulu. Siapakah harus bertanggungjawab dalam hal ini?

Oleh yang demikian, langkah-langkah yang wajar perlu diambil untuk menangani masalah ini. Jika terdapat masalah disleksia yang dikenal pasti dalam diri seseorang murid, maka kita boleh salurkan mereka ke program Pendidikan Khas Bermasalah Pembelajaran (PKBP). Di sini, sekolah ataupun kelas khas diwujudkan bagi mengumpul dan menempatkan murid-murid keperluan khas iaitu murid-murid yang mempunyai masalah dalam pembelajaran. Jika tidak, murid-murid ini akan meneruskan pelajaran mereka sama seperti murid lain. Setiap tahun mereka akan meningkat dari darjah satu hingga ke sekolah menengah tanpa dapat menguasai kemahiran 3M. Murid ini akan mengikuti arus perkembangan pendidikan tanpa dapat menguasai ilmu pengetahuan dan kemahiran yang sepatutnya mereka kuasai dalam tempoh tersebut. Mereka datang ke sekolah hanya untuk mengisi masa lapang. Akhirnya mereka akan merasa hampa, terbiar, menjadi tempat cemuhan guru, dibuli oleh rakan dan sebagainya. Faktor-faktor ini akan menimbulkan rasa rendah diri yang sukar untuk diatasi oleh murid tersebut.

Spafford dan Grosser (1996) menganggarkan kira-kira lima peratus (5%) murid pemulihan yang mengalami disleksia. Ini bersesuaian dengan kajian Sofiah Ali (2000) yang telah menganggarkan antara 5 hingga 10 peratus penduduk negara ini mengalami disleksia. Manakala secara keseluruhan dianggarkan empat peratus (4%) daripada populasi dunia mempunyai masalah disleksia (Renwick, 2001). Berdasarkan kenyataan-kenyataan di atas, ini menunjukkan kemungkinan bahawa hampir semua sekolah dalam negara ini mempunyai murid

bermasalah disleksia. Hal ini sebenarnya pernah ditegaskan oleh Pollock dan Waller (1994) bahawa semua sekolah mempunyai kanak-kanak yang mengalami masalah disleksia, cuma tahap masalah yang dialami oleh mereka adalah berbeza-beza iaitu sama ada ringan, sederhana atau berat.

Dari segi fizikal, murid-murid yang mengalami masalah disleksia tidak mempunyai sebarang kecacatan anggota dan tahap kecerdasan mereka juga adalah normal. Mereka boleh berbual dan bergaul seperti murid lain. Ini menyebabkan tiada sebarang tindakan diambil bagi membantu kanak-kanak tersebut dalam pelajaran. Akibatnya, murid-murid ini berkemungkinan besar disalah labelkan sebagai sama ada murid pemulihan atau bermasalah pembelajaran yang umum sahaja (Sofiah Ali, 2000; Zabidi Husin, 2000).

Berdasarkan permasalahan yang dinyatakan di sini, pengkaji merasakan perlu adanya suatu bentuk penyelidikan khusus dalam memahami permasalahan disleksia dalam kalangan murid-murid pemulihan. Ini secara langsung dapat membantu kanak-kanak disleksia dalam negara ini. Jika pengenal pastian dan intervensi yang bersesuaian dilaksanakan seawal mungkin, tempoh yang diperlukan untuk mengurangkan kesan negatif disleksia mungkin menjadi singkat dan lebih mudah (Hammond dan Hughes, 1999; Mercer, 1997).

1.4 Objektif kajian

Kajian ini dijalankan berdasarkan objektif-objektif berikut:

- 1.4.1 Mengenal pasti peratus murid pemulihan (responden) yang bermasalah Disleksia di sekolah rendah di Pulau Pinang.
- 1.4.2 Mengenal pasti perbezaan peratus individu bermasalah disleksia dalam kalangan murid pemulihan lelaki dan perempuan
- 1.4.3 Mengenal pasti tahap pengaruh disleksia terhadap pencapaian pelajaran murid pemulihan.
- 1.4.4 Mengenal pasti tahap pengaruh disleksia terhadap tingkah laku murid pemulihan.
- 1.4.5 Mengenal pasti amalan dan cabaran yang dihadapi oleh guru dalam mengendalikan murid pemulihan yang mempunyai masalah disleksia.
- 1.4.6 Mengenal pasti langkah-langkah yang dapat membantu murid pemulihan yang mempunyai masalah disleksia.

1.5 Persoalan kajian

Kajian ini akan cuba menjawab persoalan-persoalan berikut:

- 1.5.1 Apakah peratus murid pemulihan (responden) yang bermasalah disleksia di sekolah rendah di Pulau Pinang?
- 1.5.2 Adakah wujud perbezaan peratus individu yang bermasalah disleksia dalam kalangan murid pemulihan lelaki dan perempuan?
- 1.5.3 Apakah tahap pengaruh disleksia terhadap pencapaian pelajaran murid pemulihan dalam kemahiran membaca, mengeja serta menulis?

- 1.5.4 Apakah tahap pengaruh disleksia terhadap tingkah laku murid pemulihan dalam bidang bacaan, tulisan, pertuturan serta pengiraan?
- 1.5.5 Apakah amalan dan cabaran yang dihadapi oleh guru dalam mengendalikan murid pemulihan?
- 1.5.6 Apakah langkah-langkah yang perlu diambil dalam membantu murid pemulihan yang mempunyai masalah disleksia?

1.6 Kerangka

Kerangka konsep dan kerangka kajian disediakan untuk berfungsi sebagai pemandu kepada kajian ini agar ia menjurus kepada tujuan dan matlamat yang dikehendaki.


1.6.1 Kerangka konsep

Rajah 1 menggambarkan suatu masalah pembelajaran yang sering didapati dalam kalangan pelajar. Ia dikenali sebagai disleksia dan masalah ini biasanya melibatkan kesukaran dalam kemahiran bacaan dan ejaan. Selain daripada kedua-dua kesukaran tersebut, ia juga boleh menjejaskan aspek kebolehan penulisan seseorang. Ia boleh didapati dalam kalangan orang yang mempunyai kecerdasan mental yang biasa/purata dan yang lebih tinggi daripada ketinggian biasa. Disleksia adalah salah satu masalah pembelajaran yang unik. Ia dipercayai membabitkan lebih kurang empat peratus daripada kanak-kanak sekolah (Annette Brock,1999).

Selain masalah membaca dan mengeja terdapat juga masalah-masalah sampingan yang lain turut menyumbang kepada kesukaran dalam pembelajaran seseorang individu. Antaranya adalah Disgrafia (Dysgraphia) yang melibatkan kesukaran menulis, Discalculia (Dyscalculia) yang melibatkan kesukaran dalam pembelajaran matematik dan masalah bahasa yang melibatkan kesukaran mendengar dan bertutur (Rajah 1). Masalah-masalah sampingan ini selalunya bertindih antara satu sama lain dan susah untuk dikesan (Anderson 1991; Duane,1991).

Rajah 1 :

Model masalah pembelajaran yang khusus.



(Sumber : THE Dysleksia-Speld Foundation WA (INC) , South Perth ,1993).

1.6.2 Perbezaan disleksia, disgrafia dan discalculia

Seperti yang telah dinyatakan, disleksia pada dasarnya adalah masalah pembacaan dan pengejaan yang juga boleh mengganggu kemahiran penulisan. Sekiranya masalah penulisan itu teruk, seseorang itu boleh dikatakan mempunyai masalah digrafia dan disleksia pada masa yang sama. Disleksia bukanlah satu ketidakupayaan atau masalah matematikal (discalculia) kerana ramai individu yang bermasalah disleksia mempunyai keupayaan yang tinggi dalam aspek mengira. Walau bagaimanapun peratus bilangan orang yang bermasalah disleksia yang menghadapi kesukaran dalam kemahiran pengiraan secara mental (*mental arithmetic*) serta menghafal sifir darab adalah tinggi. Masalah ini dikaitkan dengan kesukaran dalam mengingat balik peristiwa-peristiwa dalam urutan yang betul daripada ingatan jangka masa panjang (THE Dysleksia-Speld Foundation WA (INC) , South Perth,1993).

Tidak semua orang mungkin bersetuju dengan perbezaan dalam definisi di antara disleksia (membaca dan mengeja), disgrafia (menulis) dan discalculia (mengira). Biasanya terdapat kecenderungan untuk mengkategorikan ketiga-tiga masalah ini sebagai disleksia. Ini boleh difahami memandangkan kepada kewujudan banyak situasi seorang individu yang menghadapi masalah disleksia tetapi pada masa yang sama juga menghadapi disgrafia dan discalculia. Dalam keadaan ini, adalah menjadi penting untuk mengenal pasti masalah yang khusus di antara ketiga-tiga masalah tersebut untuk menentukan rawatan yang perlu

diberi atau langkah pemulihan yang patut diambil. Misalnya, sekiranya seseorang pelajar menghadapi masalah penulisan, dia perlu dirujuk kepada pakar terapi cara kerja (*occupational therapist*) dan juga perlu dimasukkan ke dalam program pemulihan literasi.


Mengajar pelajar-pelajar yang bermasalah disleksia memerlukan kepakaran khas. Perkhidmatan terapi ini boleh disamakan dengan terapi yang diberi oleh seorang pakar patalogi pertuturan. Terdapat pelbagai program pengajaran berjaya dilaksanakan berdasarkan penyelidikan bagi pelajar-pelajar yang menghadapi masalah disleksia. Disleksia dianggap sebagai satu masalah pembelajaran yang melibatkan kelemahan-kelemahan dalam pemprosesan bahasa serta kognitif yang menghindarkan kebolehan membaca. Ia juga adalah satu masalah neurological (saraf) yang dipindahkan secara genetik (Snowling, 1996)

1.6.3 Kerangka kajian

Rajah 2 menunjukkan kerangka tentang kajian ini. Kajian ini merupakan satu kajian deskriptif yang berfokus kepada murid-murid pemulihan di sepuluh buah sekolah rendah Pulau Pinang yang menjalankan Program Pemulihan. Pertama, pengkaji ingin membina suatu alat ukur untuk mengukur tahap pengaruh disleksia berdasarkan dua pemboleh ubah bebas iaitu 1. Pencapaian pelajaran 2. Masalah tingkah laku murid pemulihan terhadap kemahiran (3M) membaca, mengira dan menulis. Kedua, pengkaji akan

menyelidik secara mendalam kaedah triangulasi, antaranya pengkaji akan membuat pemerhatian dan temubual secara berfokus ke atas guru-guru yang terlibat dalam Program Pemulihan di sepuluh buah buah sekolah rendah yang dipilih oleh untuk menjalankan kajian ini. Selain itu, pengkaji akan menganalisis dokumen yang dianggap sesuai dalam kajian ini, contoh buku pemantauan kelas, fail peribadi murid serta kad laporan prestasi murid.

Rajah: 2 Kerangka kajian



1.7 Kepentingan kajian

Kajian ini difikirkan perlu dijalankan dalam konteks pendidikan pemulihan kerana kita sering mendapati murid pemulihan dikaitkan dengan masalah penguasaan kemahiran membaca, menulis dan mengira serta masalah lain yang berkaitan dengan kesihatan, emosi, persepsi, fizikal dan sebagainya. Faktor-faktor ini mempunyai persamaan langsung dengan masalah disleksia. Maka adalah difikirkan bahawa kajian ini akan dapat dilaksanakan bagi tujuan untuk mendapat maklumat-maklumat yang berkaitan disleksia. Dengan kajian ini juga adalah diharapkan:

- (i) Dapat memberikan pendedahan dan bantuan kepada guru mahu pun ibu bapa untuk mengetahui secara mendalam masalah kesukaran belajar yang dikategorikan sebagai disleksia. Ini adalah sangat perlu supaya pendidikan serta bentuk bantuan akan dapat diklasifikasikan mengikut keperluan pelajar.
- (ii) Dapat menjadi sumber rujukan kepada guru pendidikan pemulihan dan semua yang berminat dengan pendidikan khas khususnya yang berkaitan dengan masalah disleksia. Guru memerlukan satu bentuk penerangan dan panduan untuk mengenali serta memahami permasalahan disleksia.
- (iii) Dapat merumuskan tahap masalah seseorang murid dalam kategori disleksia serta dapat mencadangkan bentuk bantuan yang perlu bagi